

MEF tidak setuju SOP wajibkan pekerja sektor pembuatan disaring dua kali seminggu

[Tuty Haryanti Ahmad Rodzi](#)

am@hmetro.com.my



GAMBAR fail, sekadar hiasan. FOTO NSTP

Kuala Lumpur: Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) tidak setuju dengan prosedur operasi standard (SOP) yang mewajibkan pekerja sektor pembuatan di kawasan Perintah Kawalan Diperketatkan (PKPD), menjalani ujian saringan Covid-19 dua kali seminggu jika mahu beroperasi.

Presidennya Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman JP berkata, ini kerana kos menjalankan ujian saringan itu terlalu tinggi selain bertentangan dengan amalan terbaik antarabangsa seperti yang ditetapkan.

Katanya, tidak wajar juga membuat ujian saringan kepada pekerja dua kali seminggu kerana kebanyakan pengusaha hanya beroperasi lima hari seminggu.

"Kos membuat ujian saringan yang tinggi dan harus ditanggung oleh pengusaha, akan membebankan terutama pengilang dalam keadaan ekonomi yang sangat mencabar ketika ini.

"Kos ujian saringan dianggarkan kira-kira RM70 dan jika pengusaha mempunyai seramai 1,000 pekerja, mereka perlu membayar RM140,000 setiap minggu untuk dua kali ujian.

"Jika empat minggu perlu melakukan ujian itu, kosnya boleh mencecah RM560,000 hanya untuk melakukan ujian saringan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Dr Syed Hussain berkata, pihaknya juga bimbang kekerapan melakukan ujian saringan boleh meningkatkan risiko kecederaan pada tisu hidung selain menyebabkan komplikasi kesihatan yang lain.

Malah, katanya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut tidak mengesyorkan penyaringan secara meluas terhadap individu tanpa gejala kerana kos yang tinggi dan tidak berkesan.

"Tidak wajar juga mereka yang sudah menerima suntikan vaksin perlu menjalani ujian saringan lagi.

"Justeru MEF berpendapat ujian itu tidak boleh dijadikan syarat wajib kepada pengusaha jika mahu meneruskan operasi," katanya.

Bagaimanapun, Dr Syed Hussain berkata, pendekatan yang lebih berkesan ketika ini adalah dengan memberi tumpuan kepada Program Imunisasi Kebangsaan Covid-19 di kawasan perindustrian.

Namun, katanya, beberapa SOP yang dibuat jelas tidak mendapat input daripada pihak berkepentingan kerana dilihat tidak efektif dan realistik.

"MEF sudah mendesak pihak berwajib supaya mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan terlebih dahulu bagi memastikan SOP yang dibuat efektif.

"Strategi yang efektif adalah dengan memberi tumpuan pada program imunisasi di kawasan perindustrian dan MEF mencadangkan supaya menubuhkan pasukan petugas khas bagi memantau usaha yang digerakkan oleh Kementerian Kesihatan ini," katanya.

Sementara itu, Dr Syed Hussain turut melahirkan rasa kebimbangan dengan kilang yang tidak berdaftar namun masih beroperasi ketika ini.

Katanya, selain mengambil tindakan terhadap kilang yang gagal mematuhi SOP ditetapkan, pihak berkuasa juga perlu membuat sesuatu terhadap kilang haram yang banyak di Selangor dan Lembah Klang itu.

"Malah kilang haram yang turut menggunakan pekerja asing tanpa izin itu, dilihat gagal mematuhi SOP ditetapkan dan mereka sepatutnya dikenakan tindakan sewajarnya kerana jelas tidak menyumbang kepada usaha membendung Covid-19.

"Ini adalah waktu yang tepat untuk menghentikan operasi kilang haram ini dan pihak berkuasa harus mengambil tindakan segera," katanya.

Disiarkan pada: Julai 9, 2021 @ 5:52pm